

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Inovasi dan Pengkomersilan
Sent: Sunday, November 25, 2018 12:53 PM
To: UUM - All Staff
Subject: BUSINESS PITCHING BERSAMA SYARIKAT PINTAR FOUNDATION DAN GROW THE GOOSE



UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

25 November 2018 / 16 Rabiulawal 1440H

=====



Business Pitching bersama Syarikat Pintar Foundation dan Grow the Goose

Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC) telah menganjurkan sesi 'Business Pitching' berkaitan produk dan perkhidmatan berasaskan pendidikan pada 15 November 2018 bertempat di Bilik Taklimat

Universiti, Bangunan Canselori. Sesi tersebut disertai oleh lapan (8) perekacipta. Pembentangan mereka dinilai oleh Encik Zainurazrein Zainal Abidin, Pegawai Kanan Syarikat Pintar Foundation dan Nina Othman, Pengasas Syarikat Grow the Goose, bagi tujuan pengkomersilan.

Pembentangan yang bermula pada jam 10 pagi itu telah disampaikan oleh Dr. Azliza Othman untuk produk Kit Pembelajaran Penderaan Seksual Kanak-kanak, Encik Shanizan Herman Mohd Radzi (Ace of Math), Prof. Dr. Zulikha Jamaludin bersama enam produk (Robot's Voice Replay for Language and Mathematics Learning, BacaDisleksia, Masalah Pembacaan Kanak-kanak Disleksia, Program Khas Integrasi Masalah Pembelajaran, An Alphabet Board for Dyslexic Children dan Baca Bot), Dr. Nurulwahida Haji Azid @ Aziz bersama tiga produk (Multiple Intelligences and Thinking Skills Activities Flip Module, English Doesn't Hurt Application dan Science Smart i-Think), Dr. Rozana Samah (KIT-Hip), Dr. Mohd Adib Abd. Muin bersama dua produk (Islamic Innovative Jenga Blok dan Muamalat Contract Fun Board), Dr. Mardzelah Makhsin (Click Myheart-Set MyMind-Scan MySoul) dan Prof. Dr. Razamin Ramli (Math Venture Game).

'Business Pitching' adalah sesi mempromosikan produk dan perkhidmatan oleh perekacipta bagi menyakinkan para usahawan yang berjaya untuk dikomersilkan ke peringkat pasaran. Sesi tersebut adalah inisiatif oleh ICC yang memberi manfaat kepada para perekacipta untuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka secara lebih berkesan dengan kerjasama para usahawan.

-habis-



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.